



KHAZANAH  
NASIONAL

## **SIARAN MEDIA**

**6 November 2013**

### **Dato' Charon Mokhzani menyertai Khazanah Research Institute sebagai Pengarah Urusan**

Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan Dato' Charon Mokhzani sebagai Pengarah Urusan Khazanah Research Institute ("KRiS"), sebuah institut penyelidikan yang baru ditubuhkan, berkuat kuasa 6 November 2013. Dato' Charon merupakan bekas Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Perbankan Pelaburan, CIMB Group dan Ketua Pegawai Eksekutif, CIMB Investment Bank.

KRiS akan beroperasi secara berasingan daripada Bahagian Penyelidikan Khazanah, yang telah beroperasi sejak tahun 2004. Tumpuan institut ini adalah pada isu-isu nasional yang lebih meluas serta yang berkaitan dengan Khazanah.

"Kami berasa gembira dengan kehadiran Dato' Charon dalam lembaga pengarah institut ini sebagai pengarah urusan dan mengalu-alukan sumbangan beliau," kata Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Timbalan Pengerusi Khazanah dan Pengerusi KRiS.

Sebelum memegang jawatan eksekutif di Kumpulan CIMB, Dato' Charon pernah menjadi rakan pengurusan di Zaid Ibrahim & Co dan sebelum itu pernah bertugas dalam bidang kewangan korporat di RHB Securities. Dato 'Charon, 49, berkelulusan Falsafah, Politik dan Ekonomi daripada Balliol College, University of Oxford serta dalam bidang Undang-Undang daripada School of Oriental and African Studies, University of London.

## **TAMAT**

*Untuk maklumat tambahan, sila hubungi Mohd Asuki Abas di talian +603 2034 0000 atau melalui e-mel di [asuki.abas@khazanah.com.my](mailto:asuki.abas@khazanah.com.my)*

### **Tentang Khazanah Nasional Berhad**

Khazanah Nasional Berhad adalah dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk memegang dan menguruskan aset komersil Kerajaan dan menjalankan pelaburan strategik. Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti tenaga, telekomunikasi, perbankan, penjagaan kesihatan, pengurusan lapangan terbang, prasarana, riadah & pelancongan, pembangunan hartanah, penyiaran, pegangan pelaburan serta teknologi. Antara syarikat tersenarai utama di bawah portfolio pelaburan Khazanah adalah Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, CIMB Group, Axiata Group Bhd, IHH Healthcare Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd, dan UEM Sunrise Bhd.